

Ditahan sembunyi dadah dalam paip

KOSMO 16/04/2010 MS 11

Oleh NUR AISHAH AMIN
nuraishah.amin@kosmo.com.my

SUBANG JAYA - Taktik dua lelaki yang menggunakan batang paip PVC untuk menyembunyikan dadah terbongkar apabila mereka diberkas dalam serbuan di sebuah premis berhampiran Kawasan Perindustrian Puchong Utama di sini.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Zainal Rashid Abu Bakar berkata, dalam serbuan pada pukul 9 pagi kelmarin itu, polis merampas dadah jenis ketamin seberat 3.4 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM40,000.

"Semua ketamin itu ditemui dalam batang paip PVC

di dalam premis yang didiami kedua-dua suspek.

"Ini taktik terbaru dalam aktiviti pengedaran dadah," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, suspek berusia 34 tahun warga Bangladesh dan rakannya seorang lelaki tempatan berusia 40 tahun itu dipercayai menjalankan aktiviti memproses dadah di kediaman tersebut.

"Mereka dipercayai membekalkan dadah tersebut di sekitar Lembah Klang," katanya.

Tambah Zainal Rashid, kedua-dua suspek itu direman untuk siasatan lanjut.

Dalam kes lain, polis melumpuhkan dua lagi sindiket pengedaran dadah yang me-

libatkan rampasan berjumlah RM123,000 di Serdang dan Bukit Serdang Selasa lalu.

Dalam serbuan di Serdang, seorang lelaki dan seorang perempuan ditahan dan sejumlah 150 butir dadah iaitu eramin 5, syabu dan morfin ditemui dalam sebuah rumah dua tingkat di situ.

Kesemua dadah yang dirampas bernilai RM5,000.

Pada hari sama, polis kemudian menyerbu sebuah pangsapuri Vista Impiana Height dekat Bukit Serdang.

Di rumah itu, polis menemui beberapa jenis dadah iaitu syabu 85 gram, 230 biji kuda, 2,600 biji pil eramin 5, sejumlah daun kering disyaki ganja. Nilai kesemua dadah itu RM118,000.



ZAINAL RASHID (dua dari kiri) menunjukkan dadah yang dirampas di tiga lokasi berasingan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya semalam.